

# Usaha tubuhkan EAEC tidak terjejas — Evans

KUALA LUMPUR 20 Feb. — Usaha menubuhkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) tidak akan 'ditenggelamkan' oleh Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), kata Menteri Luar Australia, Gareth Evans.

Menurut Evans, Australia mempunyai pandangan bahawa dua sidang kemuncak APEC yang diadakan di Seattle, Amerika Syarikat dan Bogor, Indonesia baru-baru ini tidak akan menjejaskan usaha menubuhkan EAEC.

"Jika EAEC wujud, ia akan berada dalam lingkungan APEC," katanya sambil mengulangi pendirian bahawa negaranya tidak menentang penubuhan EAEC.

Evans berkata demikian dalam sesi soal jawab selepas menyampaikan ceramah ber-



GARETH EVANS

tajuk 'Kelahiran Masyarakat Asia Pasifik', di Institut Diplomasi dan Hubungan Negeri (IDFR), di sini hari ini.

Turut hadir pada ceramah itu ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan

Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia John Dauth.

Evans menegaskan Australia mengambil pendirian untuk tidak menghalang perkembangan EAEC yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Apa yang membimbangkan Australia ialah sebarang perkumpulan selain daripada APEC akan menjejaskan perkembangan APEC kerana terdapat kecenderungan untuk memihak kepada kumpulan masing-masing," ujarnya yang menamatkan lawatan rasmi selama empat hari ke Malaysia, hari ini.

Beliau menambah, APEC sepatutnya menjadi keutamaan di rantau ini dan keadaan ini mestilah dikekalkan.

Menurutnya, cadangan

APEC untuk menjadikan rantau Asia Pasifik sebagai kawasan perdagangan bebas tidak akan mengurangkan peluang kepada negara-negara membangun.

Dalam hal ini, Evans menekankan betapa pentingnya APEC supaya bersifat sensitif terhadap keperluan negara-negara membangun.

Sebelum itu ketika menyampaikan ceramahnya, Evans berkata, sidang kemuncak APEC di Bogor dan Forum Serantau ASEAN (ARF) di Bangkok, tahun lalu merupakan peristiwa penting yang meletakkan rantau ini mengikut acuan baru.

"Kedua-dua peristiwa ini menandakan peralihan daripada teori kepada realiti mengenai idea pembentukan sebuah masyarakat Asia Pasifik," katanya.